

# Persaingan untuk tubuh kerajaan Malaysia


Lebih 21 juta rakyat Malaysia boleh keluar mengundi pada 19 November untuk memilih kerajaan baru bagi memimpin negara bagi lima tahun akan datang. Perkara yang menjadi keprihatinan mereka adalah kerajaan yang stabil, selepas menjalani hidup di bawah tiga perdana menteri berbeza sejak 2018. Selain memilih wakil di parlimen, rakyat di tiga negeri, Pahang, Perak dan Perlis juga akan memilih Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) masing-masing.



## PERSAINGAN PANAS

### KAWAN JADI LAWAN I: Mentor Iwn bekas sekutu

Tambun, Perak



**Datuk Seri Anwar Ibrahim**

Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga pengerusi Pakatan Harapan, berkata beliau bertanding di Tambun, Perak, kerana dua sebab utama - untuk merampas kerusi parlimen yang dicuri pengkhianat dan menjadikan Perak garisan depan bagi perjuangan membersihkan kerajaan Malaysia. Bercakap kepada Berita Harian (BH) Datuk Anwar, yang juga calon Perdana Menteri PH, berkata beliau yakin disambut baik oleh penduduk Perak.



**Datuk Seri Ahmad Faizal 'Peja' Azumu**

Dilahirkan di Ipoh, Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu juga dikenali dengan nama gelaran Peja. Beliau juga adalah 'pengkhianat' yang dimaksudkan oleh Datuk Anwar. Pada 2020, 22 bulan selepas beliau menjadi wira PH - memecah benteng kuat BN di Tambun - Peja berpindah ke Perikatan Nasional, antara faktor yang meruntuhkan kerajaan federal PH. memperkenalkan dirinya kepada penduduk Perak.

**CALON LAIN DI SINI:** • Datuk Aminuddin Md Hanafiah (BN) • Abdul Rahim Tahir (Pejuang)

### KAWAN JADI LAWAN II: Pertembungan Dua Menteri Besar

Gombak, Selangor



**Datuk Seri Azmin Ali**

**Datuk Seri Amirudin Shari**

Datuk Seri Azmin Ali 'orang lama' di Gombak dan telah berkhidmat kepada penduduk di sana sejak 2008, termasuk sebagai Menteri Besar Selangor, dari 2014-2018 dan di bawah bendera PH. Namun, beliau kini telah bertukar bendera dan bertanding di sini di bawah bendera Perikatan Nasional (PN), menyusuli Langkah Sheraton pada 2020 di mana Datuk Azmin dan beberapa ahli Parlimen dari PH berpindah ke PN.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mungkin sedar beliau sedang berkawan dengan rakan karib yang juga amat disayangi di Gombak. Justeru, beliau mengingatkan pengundi pada setiap ceramah bahawa beliau adalah calon nombor dua di Gombak dan pengundi harus melupakan Datuk Azmin. Buat masa ini, pertempuran antara dua rakan baik ini dijalankan secara saling menghormati. Tapi bolehkah ia berkekalan?

**CALON LAIN DI SINI:** • Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin (BN) • Aziz Jamaludin Mohd Tahir (Pejuang) • Ir Zulkifli Ahmad (Bebas)

### KAWAN JADI LAWAN III: 'Otai' lompat parti lawan wajah baru

Ampang, Selangor



**Zuraida Kamaruddin**

Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Setempat, Cik Zuraida Kamaruddin berkata label pengkhianat yang dilontar ke arahnya tidak benar. Beliau tidak melompat dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) untuk menyertai Bersatu pada 2020, tetapi dipecat. Punca beliau dipecat - pembabitan dalam Langkah Sheraton meruntuhkan kerajaan Pakatan Harapan. Namun, kali ini beliau bertanding di bawah satu lagi parti, iaitu Parti Bangsa Malaysia dan berharap khidmatnya selama kepada Ampang sejak 2008 tidak akan dilupai.



**Rodziah Ismail**

Calon Pakatan Harapan (PH) di Ampang ini memulakan kempen beliau dengan berkata Cik Zuraida telah mencemari nama sendiri selepas mengkhianati PKR-PH. Cik Rodziah telah mempergiat usaha menemui penduduk dalam tempoh dua minggu ini tetapi masa sentiasa mencemburuinya dalam usaha memikat hati penduduk di Ampang, lebih-lebih lagi kerana beliau bersaing dengan Cik Zuraida yang telah berkhidmat tiga penggal di sana. Namun, jenama PH mungkin membantu Cik Rodziah memikat hati pengundi.

**CALON LAIN DI SINI:** • Ivone Low (BN) • Sasha Lyna Abdul Latif (PN) • Nurul Ashikin Mabahwi (Pejuang) • Lai Wai Chong (Warisan) • Tan Hua Meng (Bebas) • Shafiq Izwan Yunos (Bebas) • M Raveendran (Bebas)

## SEKILAS

Apa yang boleh berlaku selepas Hari Mengundi

### Sebuah parti atau gabungan parti mendapat majoriti mudah atau sekurang-kurangnya 112 kerusi

• Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia menyampaikan keputusan rasmi kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

• Menyusuli itu, Sultan Abdullah menjemput calon Perdana Menteri dari parti atau gabungan parti yang mendapat majoriti mudah untuk mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri.

### Tiada parti atau gabungan parti mendapat majoriti mudah

Pengamat politik, Dr Oh Ei Sun, berkata satu kerajaan gabungan boleh ditubuhkan jika tiada parti atau gabungan parti mendapat majoriti mudah selepas Hari Mengundi. "BN atau PH besar kemungkinan akan memenangi jumlah kerusi yang paling banyak, sementara PN dijangka mendapat undi yang kurang," kata Dr Oh, Felo Kanan di Institut Hal Ehwal Antarabangsa Singapura Menurut beliau, BN atau PH boleh bergabung untuk menubuhkan kerajaan Malaysia atau menjalin hubungan dengan parti lain untuk membentuk gabungan parti baru.